

Headline	CyberSecurity Malaysia coordination stop centre cyber ...
Date	17. Aug 2007
Media Title	Utusan Malaysia
Section	Dlm Negeri
Circulation	238082
Readership	833287
Language	MALAY
Page No	9
Article Size	706 cm ²
Frequency	Daily
Color	Full Color



CyberSecurity Malaysia pusat hentian koordinasi siber

CyberSecurity Malaysia merupakan sebuah pusat hentian koordinasi bagi semua keselamatan siber kebangsaan yang bertujuan untuk mengurangkan pendedahan ancaman terhadap sistem ICT dan rangkaian

HUSIN JAZRI
Pemangku
Pegawai
Eksekutif



CYBERSecurity Malaysia telah membantu pelbagai pihak menyelesaikan pelbagai masalah keselamatan siber

– Gambar hiasan.

Headline **CyberSecurity Malaysia coordination stop centre cyber (CyberSecurity Malaysia ...**
Date **17. Aug 2007**
Media Title **Utusan Malaysia**



HUSIN JAZRI

Headline CyberSecurity Malaysia coordination stop centre cyber (CyberSecurity Malaysia ...
Date 17. Aug 2007
Media Title Utusan Malaysia



CYBERSecurity Malaysia memelihara budaya siber di kalangan pengguna dan sektor yang kritikal seperti jabatan kerajaan dan swasta.

- Gambar hiasan

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN

Gambar AZLI AHAD

KESELAMATAN siber mula menarik perhatian sejak 1997 apabila Pasukan Tindakan Keemasan Komputer Malaysia (MyCert) ditubuhkan di bawah MIMOS Berhad bagi menangani masalah isu keselamatan komputer di kalangan pengguna Internet.

Tidak lama selepas itu Pusat Tindakan Kecemasan dan Keselamatan ICT Kebangsaan (NISER) telah ditubuhkan pada 24 Januari 1998 bagi menangani isu keselamatan ICT dalam negara.

NISER telah dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (ketika itu Timbalan Perdana Menteri) pada 10 April 2001.

Di bawah keputusan Kabinet, NISER telah dibangunkan sebagai organisasi *non-profit company limited by guarantee* di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan

Inovasi (MOSTI) dan dinamakan CyberSecurity Malaysia.

Pemangku Pegawai Eksekutifnya, Husin Jazri berkata, penjemaan semula NISER kepada CyberSecurity Malaysia pada Mac baru-baru ini dilihat sebagai aktiviti positif.

“Ini dapat mengembangkan lagi aktiviti dan meningkatkan peranan penting dalam pendidikan, keselamatan dan memperkuatkan keselamatan siber di dalam negara.

“CyberSecurity Malaysia merupakan sebuah pusat hentian koordinasi bagi semua keselamatan siber kebangsaan yang bertujuan untuk mengurangkan pendedahan ancaman terhadap sistem ICT dan rangkaian,” katanya.

Ia juga dapat memelihara budaya keselamatan siber di kalangan

Headline CyberSecurity Malaysia coordination stop centre cyber (CyberSecurity Malaysia ...
Date 17. Aug 2007
Media Title Utusan Malaysia

pengguna dan sektor yang kritikal seperti jabatan kerajaan dan swasta.

Pusat hentian CyberSecurity Malaysia ini bertujuan untuk meningkatkan keyakinan dalam teknologi dan modal insan.

Kini objektif CyberSecurity Malaysia adalah menyediakan langkah pencegahan, pendidikan dan promosi mengenai isu keselamatan siber di negara ini yang merangkumi

■ pencegahan, penyiasatan dan resolusi

- piawaian dan amalan baik
- pengurusan perniagaan berterusan
- kaunseling bagi mangsa jenayah siber
- mengurangkan pendedahan kepada rangkaian dan sistem ICT
- memperkuatkan negara dalam teknologi keselamatan siber dan modal insan tanpa bergantung kepada negara lain

Husin berkata, kini peranan CyberSecurity Malaysia semakin besar sebagai agensi keselamatan siber merangkumi pencegahan, pendidikan, promosi serta strategi pencegahan bagi tujuan keselamatan.

CyberSecurity Malaysia bertindak sebagai agensi keselamatan selain pakar runding kepada kerajaan dan jabatan kerajaan, swasta dan individu.

Antara khidmat terbaru yang disediakan oleh CyberSecurity Malaysia adalah Pelaksanaan Polisi Keselamatan Siber Kebangsaan, Koordinasi Teknikal Siber dan Penyelidikan Teknologi Siber.

Ini sebagai tambahan kepada perkhidmatan sedia ada seperti Tindak Balas Semasa Kecemasan atau Cyber999, Perkhidmatan Pengurusan Kualiti Keselamatan dan Latihan merangkumi kesedaran dan kecekapan.

“Sehingga kini CyberSecurity Malaysia telah membantu pelbagai pihak menyelesaikan pelbagai

Headline CyberSecurity Malaysia coordination stop centre cyber (CyberSecurity Malaysia ...
Date 17. Aug 2007
Media Title Utusan Malaysia

masalah berhubung keselamatan siber termasuk pencerobohan, penggodam, penipuan, *malicious code* (berniat jahat), gangguan dan penafian perkhidmatan," katanya.

Walaupun CyberSecurity Malaysia bukan pihak berkuasa tetapi ia memainkan peranan penting dalam forensik digital.

Setakat ini CyberSecurity Malaysia telah menyelesaikan pelbagai masalah berhubung forensik digital merangkumi bukti pengijian digital, penyiasatan dan analisis bagi membantu pihak berkuasa.

Tugasan CyberSecurity Malaysia telah mendapat pengiktirafan global seperti menjadi pengasas bersama Pasukan Tindakan Kecemasan Komputer Asia Pasifik (APCERT).

CyberSecurity Malaysia juga telah dilantik sebagai Pengerusi APCERT di mana terdapat 20 pasukan daripada 14 buah ekonomi (negara) di rantau Asia Pasifik.

Ia juga merupakan ahli kepada Forum Pasukan Tindakan Keselamatan (FIRST) di Carnegie Mellon University, Amerika Syarikat (AS) di mana FIRST mempunyai lebih 190 ahli seluruh negara.

Bagi mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai CyberSecurity boleh dihubungi CyberSecurity di talian 03-89926888, faks 03-89453250, e-mel: info@cybersecurity.org.my atau laman web www.cybersecurity.org.my